

SENARAI SEMAK TINDAKAN AGENSI BAGI PENERIMAAN DAN PEMASANGAN SIJIL DIGITAL PELAYAN

BIL.	PERKARA	TINDAKAN AGENSI
I	TINDAKAN PENERIMAAN SIJIL DIGITAL PELAYAN	
a.	<p>Agensi akan menerima salinan sijil digital pelayan melalui beberapa kaedah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • E-mel Notifikasi Sistem GPKI (format *.cer) E-mel notifikasi berserta lampiran sijil digital pelayan • Portal GPKI (format *.cer) Muat turun sijil digital pelayan mengikut domain/subdomain masing-masing di Portal GPKI <p>Portal GPKI> Semakan Status Sijil Digital Pelayan> Pilih butang “Tindakan” pada senarai domain/ subdomain> Maklumat Pelayan> Sijil Digital Pelayan> Klik pada pautan Papar untuk memuat turun sijil digital pelayan</p> <ul style="list-style-type: none"> • E-mel CA (format *.crt, text atau lampiran e-mel) E-mel kepada Pegawai Pemohon, Pegawai Teknikal dan Pegawai Pengesah oleh CA melalui maklum balas e-mel Makluman Kelulusan Sijil Digital Pelayan yang dihantar oleh Pentadbir GPKI, MAMPU. • E-mel dan portal prinsipal (lampiran text atau pautan untuk muat turun dari portal prinsipal) E-mel kepada Pegawai Pemohon, Pegawai Teknikal dan Pegawai Pengesah oleh CA melalui maklum balas e-mel Makluman Kelulusan Sijil Digital Pelayan yang dihantar oleh Pentadbir GPKI, MAMPU. 	
b.	<p>Agensi perlu mengemas kini tarikh penerimaan sijil digital pelayan di</p> <ul style="list-style-type: none"> • Portal GPKI > Menu Perkhidmatan> Menu Pengurusan Sijil Digital Pelayan> Kemaskini Penerimaan Sijil Digital Pelayan > NoMyKad dan nama domain/subdomain > kemaskini tarikh terima sijil. • Pautan https://gPKI.mAMPU.gov.my/gPKI_portal/server_cert/acceptance_view <p>Proses ini bertujuan untuk pengesahan penerimaan sijil digital pelayan sejurus diterima daripada CA atau prinsipal. Tarikh penerimaan mestilah dikemaskini selepas pihak CA telah memasukkan tarikh penghantaran, tarikh mula dan tarikh tamat sijil di Portal GPKI. Tarikh penerimaan juga mestilah dipilih sehari selepas tarikh penghantaran oleh CA.</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN AGENSI
II	TINDAKAN PEMASANGAN SIJIL DIGITAL PELAYAN	
a.	Agensi hendaklah melaksanakan pemasangan dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan sijil digital pelayan daripada CA/prinsipal di pelayan, infra atau platform yang diperlukan di agensi masing-masing.	
b.	<p>Sebelum pemasangan dilaksanakan, pihak agensi perlu mengumpulkan beberapa item di dalam folder yang sama untuk tujuan pemasangan sijil digital pelayan dengan rantaian (<i>chain</i>) sijil yang lengkap.</p> <p>Agensi hendaklah memastikan arahan pemasangan diikuti dengan teliti kerana setiap prinsipal mempunyai rantaian sijil yang berbeza untuk dipasang. Malahan, kaedah pemasangan juga adalah berbeza mengikut <i>platform</i> dan jenis <i>webservice</i> bagi pelayan masing-masing</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sijil digital pelayan untuk domain/subdomain (diterima daripada CA/prinsipal); dan • Sijil rantaian (<i>chain</i>) yang lengkap (<i>chain cert/ ca cert</i>) iaitu <i>intermediate</i> dan <i>root</i> bagi CA; dan • <i>Private key</i> yang telah dijana bersekali semasa penjanaan fail CSR (sekiranya CSR dijana selain daripada IIS); atau • <i>Private key</i> telah wujud secara build-in semasa semasa penjanaan (perlu <i>allow export private key</i> sekiranya memerlukan pemasangan bagi sijil digital pelayan jenis <i>multi domain</i> dan <i>wildcard</i>). 	
c.	Sebagai langkah keselamatan, agensi diingatkan supaya menyimpan salinan sijil yang diterima dan private key dengan selamat serta dilarang mengedarkannya kepada pihak tidak berkenaan termasuk kerja-kerja pemasangan sijil digital pelayan perlu dilaksanakan sendiri oleh pegawai di agensi ataupun pembekal yang telah sah dilantik sahaja . Sekiranya keterdedahan berlaku maka risiko untuk menerima ancaman keselamatan (<i>compromise</i>) ke atas pelayan yang telah dipasang dengan sijil tersebut adalah tinggi.	
d.	<p>Agensi boleh merujuk langkah-langkah pemasangan sijil digital pelayan melalui pautan laman web prinsipal bagi mendapatkan manual, garis panduan dan video pemasangan sijil digital pelayan mengikut jenis platform dan <i>webservice</i> yang dipilih.</p> <p><u>GlobalSign</u> https://support.globalsign.com/ssl/ssl-certificates-installation/install-ssl-certificate-overview</p> <p><u>Entrust</u> https://www.entrust.com/knowledgebase/ssl/ssl-tls-certificate-installation-help?keyword=&productType=&serverType=</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN AGENSI
	<p><u>GeoTrust</u> https://www.digicert.com/kb/ssl-certificate-installation.htm</p>	
e.	<p>Sekiranya pihak agensi menghadapi sebarang masalah atau ralat ketika melaksanakan pemasangan sijil digital pelayan tersebut maka pihak agensi bolehlah menghubungi Meja Bantuan GPKI (https://gpkidesk.mampu.gov.my) bagi mendapatkan khidmat nasihat daripada GPKI MAMPU dan CA supaya pemasangan berjaya dilaksanakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, sekiranya masih terdapat ralat disebabkan sijil digital pelayan yang dibekalkan adalah <i>corrupt</i> maka pihak agensi perlulah memaklumkannya segera kepada Pentadbir GPKI MAMPU (admingpki@mampu.gov.my) dan CA bagi membolehkan waranti ke atas sijil digital pelayan tersebut dapat dituntut dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan sijil tersebut.</p>	
f.	<p>Pihak agensi perlu menjana semula CSR yang baharu sekiranya baharu dengan kandungan fail CSR yang sama sekiranya <i>private key</i> didapati telah hilang atau corrupt.</p>	
f.	<p>Pihak agensi juga perlulah menjana fail CSR baharu bagi setiap subdomain di pelayan masing-masing dengan kandungan fail CSR yang sama sekiranya pihak agensi memerlukan salinan sijil tambahan untuk pelayan yang berlainan infra dan platform bagi sijil digital pelayan jenis multi domain atau wildcard.</p> <p>Penjanaan CSR dibuat selepas salinan asal sijil digital pelayan multi domain atau wildcard tersebut berjaya dipasang pada salah satu pelayan oleh agensi.</p> <p>Diingatkan juga bahawa sekiranya platform pelayan adalah selain daripada Windows maka pihak tuan/puan perlu memastikan <i>private key</i> (dijana bersekali semasa penjanaan csr) tidak hilang atau corrupt serta disimpan dengan selamat kerana ianya sangat diperlukan semasa pemasangan sijil di pelayan.</p>	
g.	<p>Fail CSR yang telah dijana perlu dikemukakan kepada Pentadbir GPKI melalui e-mel admingpki@mampu.gov.my untuk diserahkan kepada pihak CA bagi tujuan penjanaan semula (reissue). Sebagai makluman, bagi kes penjanaan semula (reissue) sijil digital pelayan ini tidak memerlukan sebarang permohonan baharu/pembaharuan di Portal GPKI ataupun di pihak CA.</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN AGENSI
h.	<p>Agensi perlu menyemak dan memastikan konfigurasi pemasangan sijil digital pelayan dilaksanakan dengan betul dan mendapat Taraf A bagi setiap subdomain dengan menggunakan kedua-dua <i>tools</i> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • semakan pemasangan rantaian (<i>chain</i>) sijil https://www.ssllabs.com/ssl-checker.html • semakan keseluruhan konfigurasi pelayan adalah betul https://www.ssllabs.com/ssltest/ <p>Nota: <i>Tools</i> ini tidak memerlukan instalasi pada pelayan dan hanya perlu run pada mana-mana browser pengguna.</p>	
i.	<p>Agensi hendaklah mengemas kini <u>tarikh</u>, <u>masa</u> dan <u>catatan taraf konfigurasi</u> pemasangan sijil di</p> <ul style="list-style-type: none"> • Portal GPKI> Menu Perkhidmatan> Menu Pengurusan Sijil Digital Pelayan> Kemaskini Tarikh dan Masa Pemasangan Sijil Digital Pelayan > No. MyKad dan Katalaluan > Pilih domain/subdomain > Tindakan > Tarikh pemasangan dan catatan taraf pemasangan). • Pautan https://gPKI.mampu.gov.my/gPKI_portal/server_cert/installation/view <p>Nota: Ruangan catatan taraf konfigurasi perlulah dimasukkan maklumat penarafan pemasangan dan konfigurasi yang diperolehi. Sekiranya agensi masih mendapat Taraf B-Z, nyatakan ralat atau masalah konfigurasi berserta justifikasi berkaitan di ruangan catatan tersebut.</p> <p>Agensi juga diingatkan bahawa sekiranya tarikh penerimaan, tarikh dan catatan pemasangan tidak dikemaskini dalam tempoh yang ditetapkan, pihak agensi akan mengalami ralat tiada paparan butang pembaharuan sijil digital pelayan pada tahun hadapan dan menyebabkan permohonan pembaharuan sijil tersebut tidak dapat dibuat di Portal GPKI. Tindakan pembetulan memerlukan agensi membuat aduan ke Meja Bantuan GPKI bagi membolehkan pengemaskinian dibuat pada Sistem GPKI.</p>	
j.	<p>Agensi juga diingatkan bahawa sekiranya pemasangan, pengemaskinian tarikh pemasangan dan perkara berkaitannya tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan maka agensi akan disenaraihitamkan dan permohonan seterusnya tidak akan dipertimbangkan serta kos sijil digital pelayan akan ditanggung sepenuhnya oleh agensi sendiri kecuali setelah dimaklumkan oleh agensi dengan justifikasi yang munasabah.</p>	